

SURAH ORANG YANG CURANG



Surah: 83 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 36

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Kecelakaanlah bagi orang yang curang!
2. (Iaitu) apabila mereka menerima sukatan daripada orang lain, mereka meminta dipenuhi.
3. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang (untuk orang lain), mereka mengurangkannya.
4. Tidakkah mereka menyangka bahawa sesungguhnya mereka itu akan dibangkitkan?
5. Pada hari yang dahsyat.⁽¹⁾
6. Pada hari (ketika) manusia bangkit menghadap Tuhan semesta alam.
7. Jangan sekali-kali (begitu)! Sesungguhnya catatan orang yang derhaka itu benar-benar tersimpan dalam «Sijjin»⁽²⁾.
8. Dan tahukah engkau apakah «Sijjin» itu?
9. (Iaitu) kitab yang berisi catatan (amal).
10. Celakalah pada hari itu bagi orang yang mendustakan!

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾

الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾

وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوَّزَوْا وَهُمْ يَخِصِرُونَ ﴿٣﴾

أَلَا بَاطِنٌ أُولَئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ﴿٤﴾

لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾

يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفَجَارِ لَفِي سِجِّينَ ﴿٧﴾

وَمَا أَدْرَاكَ مَا سِجِّينُ ﴿٨﴾

كِتَابٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾

1 Hari akhirat.

2 Sijjin ialah nama kitab yang mencatat segala perbuatan orang derhaka.

11. Iaitu orang yang mendustakan hari pembalasan.
12. Dan tiada yang mendustakannya (hari pembalasan) kecuali setiap orang yang melampaui batas lagi berdosa.
13. Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia berkata: «Ini adalah dongeng orang dahulu!»
14. Tidak sama sekali! Bahkan apa yang mereka kerjakan itu telah menutupi hati mereka.
15. Tidak sama sekali! Sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang daripada (melihat) Tuhannya.
16. Kemudian, sesungguhnya mereka benar-benar masuk neraka.
17. Kemudian dikatakan (kepada mereka): «Inilah (azab) yang dahulu kamu dustakan».
18. Tidak sama sekali! Sesungguhnya catatan orang yang berbakti benar-benar tersimpan dalam» Illiyyin». ⁽¹⁾
19. Dan tahukah engkau apakah «Illiyyin» itu?
20. (Iaitu) kitab yang berisi catatan (amal).
21. Yang disaksikan oleh (para malaikat) yang didekatkan (kepada Allah).

الَّذِينَ يُكَذِّبُونَ بِيَوْمِ الدِّينِ ﴿١١﴾

وَمَا يَذَّكَّرُ بِهِ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ آيَاتُنَا قَالَ أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَمَّحُجُونَ ﴿١٥﴾

ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَاؤُ الْجَحِيمِ ﴿١٦﴾

ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾

وَمَا آدْرَاكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾

كِتَابٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾

يَشْهَدُهُ الْمُرَقَّبُونَ ﴿٢١﴾

1 Illiyyin ialah nama kitab yang mencatat segala perbuatan orang berbakti.

22. Sesungguhnya orang yang berbakti benar-benar berada di dalam (syurga yang penuh) kenikmatan.

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾

23. Mereka (duduk berehat) di atas pelamin-pelamin sambil menyaksikan (kenikmatan yang diberikan).

عَلَى الْأَرَائِكِ يَنْظُرُونَ ﴿٢٣﴾

24. Engkau dapat mengetahui daripada wajah mereka kesenangan hidup yang penuh kenikmatan.

تَعْرِفُ فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ النَّعِيمِ ﴿٢٤﴾

25. Mereka diberi minum daripada khamar murni (tidak memabukkan) yang (bekasnya) masih bersalut.

يُسْقَوْنَ مِنْ رَحِيقٍ مَخْمُومٍ ﴿٢٥﴾

26. (Bahan) salutannya pula daripada kasturi. Oleh yang demikian, maka bersainglah orang yang berlumba-lumba untuk merebut kelebihan dan kesenangan itu.

خِتَمُهُمْ مِسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ
الْمُتَنَفِسُونَ ﴿٢٦﴾

27. Dan campuran minumannya daripada «Tasnim».

وَمِنْ أَرْجَائِهِمْ تَسْنِيمٌ ﴿٢٧﴾

28. (Iaitu) mata air yang diminum oleh mereka yang didekatkan (kepada Allah).

عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢٨﴾

29. Sesungguhnya orang yang berdosa adalah mereka yang dahulunya mentertawakan orang yang beriman.

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا
يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾

30. Dan apabila mereka (orang yang beriman) melintas di hadapan mereka, mereka saling mengerdipkan mata (mencemuhnya).

وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامِرُونَ ﴿٣٠﴾

31. Dan apabila mereka kembali kepada kaum keluarganya, mereka kembali dengan riang gembira.
32. Dan apabila mereka memerhatikan (orang yang beriman), mereka mengatakan: «Sesungguhnya mereka benar-benar golongan yang sesat».
33. Sedangkan (orang yang berdosa itu) tidak diutus sebagai penjaga (orang yang beriman).
34. Maka pada hari ini, orang yang beriman pula mentertawakan orang kafir itu.
35. Mereka (duduk berehat) di atas pelamin-pelamin (yang berhias) sambil menyaksikan (hal yang berlaku kepada orang kafir).
36. Tidakkah orang yang kafir itu telah diberi balasan yang setimpal terhadap apa yang telah mereka lakukan?

وإِذَا انْقَلَبُوا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ انْقَلَبُوا فَكِهِينَ ﴿٣١﴾

وإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوا إِنَّ هَٰؤُلَاءِ لَضَالُّونَ ﴿٣٢﴾

وَمَا أُرْسِلُوا عَلَيْهِمْ حَٰفِظِينَ ﴿٣٣﴾

فَالْيَوْمَ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنَ الْكُفَّارِ
يَضْحَكُونَ ﴿٣٤﴾

عَلَىٰ الْأَرَآئِكِ يَنْظُرُونَ ﴿٣٥﴾

هَلْ تُوِبَ الْكُفَّارُ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

